

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/M13/JLD 5 ( 94 )

Tarikh: 4 Disember 2013.

## **FESTIVAL ANTARABANGSA PETALING JAYA**

**MBPJ bawa konsep gaya hidup lestari dan kehidupan hijau kepada penduduk Petaling Jaya.**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan menganjurkan Festival Antarabangsa Petaling Jaya (*PJ International Fair*) yang mengetengahkan konsep Gaya Hidup Lestari, Kehidupan Hijau (*Sustainable Lifestyle, Green Living*) pada 21 dan 22 Disember 2013 di sekitar kawasan Jalan Yong Shook Lin, Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya.

Sebagai kesinambungan galakan kehidupan mampan, program ini juga akan diadakan secara tahunan dengan mendapat kerjasama daripada ‘stakeholders’ Majlis yang terdiri daripada Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga, NGO, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta serta pihak peniaga dan pelabur.

Program dan aktiviti dibahagikan kepada 5 segmen iaitu:-

**i. Eko-Mobiliti (Eco-Mobility)**

- Melibatkan semua kenderaan eko teknologi seperti hybrid, solar dan elektrik.
- Pada 21 & 22 UNITEN akan turut memperkenalkan kereta ranjer yang berteknologi dari Negara Jepun & Germany dan tempatan solar dan bas solar oleh USM
- Menariknya juga ada pameran basikal pelbagai jenis dari pelbagai negara dan juga basikal futuristi.

**ii. Komuniti Mampan (Sustainable Community)**

- Green Clinic - best practices dari Negara Indonesia berkaitan dengan *recycling* (Sukunan Village, Indonesia) dan juga dari Negara Denmark serta penceramah tempatan
- Anugerah Perdana Komuniti Mampan PJ 2012 dan Anugerah Tokoh Hijau 2013 yang julung kalinya diadakan berkonseptan *outdoor* supaya orangramai boleh bersama-sama hadir

**iii. Taman Pintar (Smart Garden)**

- Pameran dan teknologi terkini di dalam bidang landskap yang turut mengandungi elemen sistem pengumpulan air hujan (SPAH), Vertical Green, Urban Agriculture

**iv. Gaya hidup sihat (Healthy Lifestyle )**

- Sukan lasak X-Games dan Wall Climbing turut disertai oleh peserta dari negara Singapura, Brunei, Jepun, Indonesia dan Thailand
- Pertandingan netball juga mendapat penyertaan dari Negara Thailand
- Futsal

**v. Seni & budaya hijau (Green Arts & Culture)**

- Parade yang merangkumi pelajar kolej antarabangsa dari seluruh PJ dan diikuti dengan kenderaan eko (basikal pelbagai jenis, kereta hybrid)
- persempahan akustik oleh artis ikon hijau iaitu Zainal Abidin
- Majlis Pelancaran Pelan Strategik PJ Sustainable 2030 secara 3D Video Mapping Show di Menara MBPJ
- Lukisan Graffiti oleh artis tempatan

Majlis akan memberikan baucar tunai keseluruhan bermula RM20,000.00 untuk pengunjung terawal dan tidak ketiggalan pemberian rebat cukai taksiran sehingga RM100.00 (tertakluk kepada terma dan syarat) bagi mereka yang membuat bayaran pada 21 dan 22 Disember 2013 ini.

Untuk makluman, sepanjang penganjuran festival ini nanti, penutupan jalan akan dilakukan bermula pada 18 Disember sehingga 23 Disember 2013. Jalan yang terlibat ialah sebahagian Jalan Yong Shook Lin bermula dari persimpangan Jalan Taman 7/6 sehingga Jalan Ru 7/1, sebahagian Jalan Tengah bermula OUB Bank sehingga Jalan 52/18, semua jalan di sekitar Menara MBPJ.

Pihak Majlis juga akan menyediakan tempat letak kereta percuma kepada pengujung pada 21 dan 22 Disember 2013 ini bertempat di tempat letak kereta Kompleks A, Kompleks C dan seluruh parking di hadapan Public Bank dan CIMB Bank (Jalan 52/2). Orang ramai juga boleh meletakkan kenderaan mereka di hadapan Amcorp Mall dan Taman Jaya. Turut disediakan ialah kemudahan Bas komuniti untuk membawa pengunjung ke tapak festival.

Untuk aktiviti berbasikal bagi acara Mountain Bike Race jalan –jalan akan ditutup secara berperingkat mulai jam 8 pagi. Jalan yang terlibat ialah Jalan Changgai (6/22) sehingga ke Jalan Selangor menuju ke bulatan Jalan Templer masuk ke Jalan Gasing dan jalan Changgai.

Manakala bagi acara Fun Ride pula, Jalan yang terlibat ialah bermula dari Jalan Yong Shook Lin menghala ke Jalan Barat menuju ke PJ Hilton, Jalan Semangat dan kembali ke Jalan Timur dan jalan Yong Shook Lin.

Bagi acara Fun Ride untuk kanak-kanak dan warga emas pula ialah Jalan Yong Shook Lin masuk ke Jalan Sultan menuju ke Jalan Selangor dan kembali semula ke Jalan Yong Shook Lin, PJ.

Simulasi penutupan jalan akan diadakan pada 12 Disember 2013 mulai jam 11.30 pg hingga 12.30 tgh.

Sekian, terima kasih.

**Sekretariat Media  
Unit Perhubungan Awam  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,  
twitter : pjcitycouncil, emel : media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/208,  
Faks : 03-79582695. (**Puan Zainun bt Zakaria, / En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar**)